

**Umno Kuala Kedah Semarak 10 Malam Terakhir Ramadan Dengan Program Singgah Sahur Bernama
13 Ogos, 2012**

ALOR SETAR, 13 Ogos (Bernama) -- Umno bahagian Kuala Kedah melancarkan program 'Singgah Sahur' bagi menarik golongan muda untuk menyemarakkan 10 malam terakhir Ramadan bertujuan mencari keberkatan pada bulan mulia ini.

Naib ketua Umno bahagian, Datuk Abdul Mutholib Harun berkata program yang pertama kali dilaksanakan ini juga bertujuan merapatkan silaturahim sesama umat Islam khususnya masyarakat setempat.

Program bermula pukul 11 malam dengan menyalakan pelita minyak tanah di kawasan terpilih, mengunjungi warga emas di rumah mereka untuk menyampaikan sumbangan dan diakhiri dengan tadarus Al-Quran dan bersahur kira-kira pukul 4 pagi.

Malam Ahad, beliau mengetuai sekumpulan anggota Skwad Prihatin Umno Kuala Kedah, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKKP) serta badan bukan kerajaan, Pertubuhan Gagasan Parlimen Kuala Kedah (Gagah) menjayakan program itu.

Program bermula dengan pemasangan pelita di kawasan Flat Seberang Perak, mengunjungi 40 buah rumah warga emas dan orang miskin di Kampung Telok Chengai Luar, Kampung Teluk Sungai Ulu dan berakhir dengan tadarus Al-Quran di Kampung Sungai dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Kubang Rotan, Parlimen Kuala Kedah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687643>